

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 4 DISEMBER 2019 | RABU

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

SOALAN

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah skim bantuan khas untuk bakal haji yang miskin di kawasan luar bandar untuk membolehkan mereka menunaikan haji.

JAWAPAN : (TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada kesempatan ini, ingin saya menyeru supaya umat Islam di negara ini mempunyai kefahaman bahawa memperolehi kuota haji dan terpilih untuk menunaikan ibadat haji termasuk dalam maksud kemampuan (*istito'ah*) yang merupakan salah satu syarat wajib haji. Kemampuan bukan sekadar dari segi kewangan sahaja, tetapi kemampuan adalah sesuatu yang dinamik dan merangkumi persediaan dalam pelbagai aspek bagi tujuan menunaikan haji.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji (**TH**) tidak mewujudkan skim bantuan khas untuk golongan miskin atau yang kurang berkemampuan untuk menunaikan haji. Penubuhan **TH** itu sendiri merupakan satu usaha untuk membantu mereka yang tidak

NO. SOALAN : 20

berkemampuan untuk simpan sedikit demi sedikit bagi tujuan untuk menunaikan fardhu haji.

Namun begitu, **TH** sentiasa prihatin dengan individu yang telah terpilih mengikut giliran menunaikan haji tetapi terpaksa menolak tawaran kerana kesulitan kewangan dan mereka ini secara konsisten menyimpan secara sedikit demi sedikit untuk tempoh yang panjang bagi menyempurnakan hajat untuk menunaikan haji.

Tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, **TH** mengambil inisiatif dengan membantu sebahagian individu lanjut usia yang terpilih mengikut giliran daripada golongan yang disahkan kurang kemampuan kewangan ini dengan mencukupkan wang bayaran haji mereka. Dana tersebut diperoleh daripada sumbangan para jemaah haji, pendeposit atau individu dermawan yang menginfakkan kewangan mereka.

Sekian. Terima kasih.